



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK TINGKATAN 1 TAHUN 2025

Sejarah (21)

2 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
C	1	20	
	2	20	
Jumlah		80	

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

1. Berikut Apakah maksud sejarah menurut *Kamus Dewan*?
 - A Asal usul
 - B Cerita tentang seseorang
 - C Iktibar masa lampau
 - D Pencapaian kemajuan

2. Pernyataan berikut merujuk kepada suatu definisi.

Rentetan peristiwa yang berlaku secara teratur mengikut urutan masa dari awal hingga yang terakhir dan bergerak mengikut satu garisan lurus.

Definisi di atas adalah berkaitan dengan

- A Kronologi
 - B Konsep masa
 - C Ruang masa
 - D Ruang dalam sejarah
3. Mengapakah tafsiran penting dalam kajian sejarah?
 - A Mendorong pemikiran terbuka
 - B Mewujudkan sikap berwaspada
 - C Memudahkan urusan penyelidikan
 - D Membangkitkan semangat patriotisme
4. Apakah kepentingan utama mempelajari sejarah dalam konteks masyarakat pelbagai kaum di Malaysia?
 - A Menguasai pelbagai bahasa asing
 - B Membantu memahami struktur kerajaan
 - C Menghargai keunikan budaya setiap kaum
 - D Menambah pengetahuan tentang ekonomi

5. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bentuk fizikal bumi pada hari ini?
- I Lautan merangkumi air masin dan air tawar
 - II Terdapat tujuh benua dan lima lautan di dunia
 - III 71 peratus bentuk muka bumi terdiri daripada lautan
 - IV Bentuk fizikal bumi terdiri daripada daratan dan sungai
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
6. Apakah faktor yang mempengaruhi kewujudan pelbagai spesies binatang pada Zaman Air Batu?
- A Perubahan iklim
B Pemburuan haram
C Pembakaran hutan
D Pembentukan gunung
7. Apakah kesan kecairan air batu pada Zaman Akhir Holosen?
- A Kenaikan paras air laut
B Manusia berkongsi tamadun
C Pergerakan manusia di Pentas Sunda
D Terbentuknya sungai dan tasik di Asia Tenggara
8. Mengapakah Zaman Paleolitik dikatakan sangat mencabar?
- A Sumber makanan yang terhad
B Keadaan cuaca yang terlampau sejuk
C Teknologi peralatan yang serba ringkas
D Kehidupan yang sering berpindah-randah
9. Bagaimanakah cara kita menghargai kemajuan dalam masyarakat prasejarah?
- I Membaik pulih barangan tinggalan zaman Prasejarah.
 - II Mengalakkan lawatan sambil belajar ke tempat tinggalan Zaman Prasejarah.
 - III Membina tempat kediaman dengan batu, tanah dan tanah liat.
 - IV Melakukan ritual bagi mewujudkan perdamaian dengan kuasa alam.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Gambar menunjukkan lukisan gua di Gua Niah, Sarawak.



10. Apakah peranan lukisan gua dan ukiran batu di zaman Prasejarah?
- A Cara menghasilkan peralatan batu.
 - B Cara komunikasi untuk menyampaikan maklumat.
 - C Cara melakukan inovasi yang hebat menggunakan batu.
 - D Cara mengamalkan kepercayaan dan memberikan penghormatan kepada orang mati.
11. Apakah maksud tamadun dalam bahasa Arab?
- A Tinggi budi bahasa
 - B Penubuhan kerajaan
 - C Tingkat kepercayaan
 - D Pembangunan manusia
12. Yang berikut ialah faktor perkembangan aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat tamadun awal **kecuali**
- A pembinaan saluran.
 - B penciptaan kincir angin.
 - C penciptaan pelbagai mesin.
 - D pembinaan teres di tanah tinggi.
13. Maklumat berikut merupakan penciptaan teknologi dalam tamadun awal dunia.

Roda Sauh Bajak

Tamadun yang memberi sumbangan dalam penciptaan teknologi di atas ialah

- A Tamadun Indus.
- B Tamadun Huang He.
- C Tamadun Mesir Purba.
- D Tamadun Mesopotamia.

14. Yang manakah antara berikut kenyataan yang benar tentang keanggotaan Dewan Perhimpunan yang diwujudkan di Athens?
- A Anggotanya terdiri daripada lelaki dan wanita Athens.
 - B Setiap warganegara boleh memegang jawatan sehingga setahun.
 - C Anggaran persidangan sekurang-kurangnya empat kali sebulan.
 - D Semua warganegara dibenarkan menghadiri setiap perhimpunan.



15. Gambar di atas ialah Colosseum iaitu binaan yang melambangkan keagungan Tamadun Rom. Apakah kegunaan binaan tersebut?
- A Menjadi tempat pemujaan dewa-dewi.
 - B Membekalkan air ke rumah kediaman di sekitarnya.
 - C Mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar.
 - D Menjalankan kegiatan masyarakat seperti mesyuarat dan diskusi.
16. Siapakah pemimpin Dinasti Qin yang bertanggungjawab menyatukan China?
- A Maharaja Shi Huangdi
 - B Maharaja Han Wu Di
 - C Maharaja Han Fei Zi
 - D Maharaja Cai Lun
17. Apakah yang disembah oleh penganut agama Majusi dalam masyarakat Arab Jahiliah?
- A Angin
 - B Awan
 - C Asap
 - D Api

18. Mengapakah Nabi Muhammad SAW merangka Piagam Madinah sebagai perlembagaan?
- A Membangunkan peraturan untuk masyarakat Madinah.
 - B Membentuk negara Islam yang adil dan maju.
 - C Membina tamadun Islam yang kuat dan utuh.
 - D Merangsang pertumbuhan ekonomi Islam.
19. Masyarakat Jahiliah hanya mementingkan keuntungan, mengamalkan riba dan menipu timbangan. Apakah kesan buruk jika masyarakat hari ini mengamalkan amalan sedemikian?
- A Pendapatan masyarakat akan bertambah.
 - B Perbuatan itu akan merancakkan ekonomi.
 - C Penindasan golongan miskin akan berlaku.
 - D Perkembangan hidup masyarakat sama rata.



(Sumber: <https://iamm.org.my/education/learning-resources/tamadun-islam>)

20. Seni bina menara yang tirus dan memuncak tinggi mempunyai tujuannya yang tersendiri. Apakah kepentingannya dalam tamadun Islam?
- A Supaya masyarakat dapat melihatnya dari jauh.
 - B Supaya seni binanya dikagumi di seluruh dunia.
 - C Supaya laungan azan didengari dari jarak yang jauh.
 - D Supaya binaannya lebih kukuh dan tersergam indah.

Bahagian B
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1. Masa silam merupakan rentetan peristiwa yang telah berlaku berdasarkan urutan masa iaitu kronologi.

a) Nyatakan tiga ruang masa mengikut tempoh masa yang berikut.

i. 10 tahun -

ii. 100 tahun -

iii. 1000 tahun -

[3 markah]

b) Sumber Sejarah terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Jelaskan ciri-ciri sumber primer yang sering dikenal pasti dalam penemuan sejarah.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]



c) Berdasarkan gambar tersebut, jelaskan kepentingan mempelajari sejarah kepada masyarakat Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Kewujudan lokasi prasejarah diketahui melalui penemuan tinggalan manusia sama ada artifak atau ekofak.

a) Nyatakan lokasi prasejarah di Asia Tenggara.

i.

ii.

[2 markah]

b) Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat pada Zaman Logam?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

c) Lukisan gua dan ukiran batu merupakan cara komunikasi untuk menyampaikan maklumat tentang kehidupan pada Zaman Prasejarah.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan komunikasi dalam masyarakat berbilang kaum?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Tamadun Mesopotamia merupakan tamadun terawal dunia yang terletak di barat daya Asia. Mesopotamia bermaksud tanah di antara dua sungai.

a) Nyatakan dua sungai tersebut.

- i.
- ii.

[2 markah]

b) Jelaskan sumbangan Tamadun Mesopotamia dalam aspek teknologi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah kedaulatan sesebuah negara itu dapat dipertahankan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

4. Peta berikut menunjukkan perluasan dakwah Islam pada zaman kerajaan-kerajaan Islam.



- a) Nyatakan dua kerajaan Islam tersebut.

- i.
- ii.

[2 markah]

- b) Terangkan faktor-faktor penyebaran Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pemimpin yang boleh diteladani oleh masyarakat?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab mana-mana satu soalan daripada bahagian ni.

1. Zaman Batu merujuk kepada penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut.

a) Huraikan tahap-tahap Zaman Batu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- b) Tempat kediaman manusia pada Zaman Logam mengalami banyak perubahan berbanding Zaman Batu.

Bagaimanakah perubahan ciri-ciri tempat kediaman tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

2. Sistem peperiksaan perkhidmatan awam pada zaman Tamadun China dikawal dengan ketat dan hanya calon yang lulus dengan cemerlang sahaja dapat diserapkan ke dalam sistem perkhidmatan kerajaan.

a) Jelaskan tahap-tahap yang terdapat dalam peperiksaan perkhidmatan awam.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

b) Terangkan keistimewaan yang akan diperolehi berdasarkan tahap kelulusan calon.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

NAMA:

KELAS:

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

BORANG JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A
ANSWER SHEET FOR SECTION A

1 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D11 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D2 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D12 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D3 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D13 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D4 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D14 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D5 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D15 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D6 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D16 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D7 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D17 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D8 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D18 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D9 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D19 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D10 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D20 ☐ A ☐ B ☐ C ☐ D